



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**26 Februari 2024
16 Syaaban 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo	• Ikan kurang, nelayan hilang rezeki
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF	/	NEUTRAL	
					15	26.02.2024

Faktor manusia, ikan pemangsa punca hidupan air di Sungai Perak makin pupus

Ikan kurang, nelayan hilang rezeki

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR dan FADZIL ZAINOL

LENGGONG - Nelayan yang mencari rezeki di Sungai Perak di sini, kini berdepan kesukaran untuk meneruskan kelangsungan hidup apabila sumber pendapatan mereka terjejas teruk ekoran kekurangan ikan di sungai berkenaan sejak kebelakangan ini.

Menurut mereka, antara punca kekurangan ikan di sungai kedua terpanjang di Semenanjung Malaysia itu adalah disebabkan faktor manusia selain isu kehadiran ikan pemangsa.

Seorang nelayan di Lenggong, Abu Kasim Sulaiman, 46, berkata, masalah hakisan yang berpunca daripada aktiviti penerokaan hutan dan pembalakan turut menjejaskan sumber hidupan air di sungai berkenaan.

"Dahulu Sungai Perak ini airnya dalam dan banyak batu. Sekarang ini, pasir terlalu banyak akibat aktiviti pembalakan.

"Disebabkan pasir yang ter-



PENEROKAAN hutan dan pembalakan menjadi antara punca hidupan air di Sungai Perak berkurangan sehingga menjejaskan pendapatan nelayan darat.

lalu banyak, batu-batu tersebut terkambus. Pam sedut pasir pun sudah tiada di kawasan ini. Akhirnya, habitat ikan makin pupus," katanya.

Bagaimanapun kata beliau, kira-kira 3,000 nelayan darat di seluruh negeri ini sedikit lega apabila Jabatan Perikanan melepaskan 172,500 ekor benih ikan

ke di Sungai Perak seperti lampam, terbul, temoleh dan udang galah.

Katanya, langkah itu mungkin memberi kesan positif jangka

panjang, tetapi faktor-faktor penyebab lain perlu diatasi segera bagi memastikan sumber hidupan air di Sungai Perak sentiasa terpelihara.

"Ada juga faktor sampingan seperti penggunaan racun perosak kerana terdapat aktiviti penanaman sayur-sayuran di beberapa kawasan di tepi sungai," kata Abu Kasim.

Seorang lagi nelayan, Mohamad Shahrul Buari, 48, berkata, dia mengakui situasi kekurangan ikan mungkin ada yang disebabkan faktor musim selain kehadiran ikan pemangsa khususnya baung ekor merah.

"Sekarang ini ikan pemangsa terlalu banyak. Saiz ikan baung ekor merah memang besar dan berat mencecah 30 kilogram ke atas seekor. Hampir semua jenis ikan dimakannya.

"Kesan daripada semua ini adalah para nelayan darat yang kehilangan punca pendapatan kerana kami bergantung kepada hasil Sungai Perak," katanya.